

BERITA HARIAN

online

Cara agih subsidi air mesti adil

Oleh Shaarani Ismail

shaarani@bharain.com.my

2011/03/17

Mekanisme khusus penting elak berlaku ketirisan, pembaziran

KUALA LUMPUR: Pemberian subsidi air kepada golongan yang disasar memerlukan satu mekanisma khusus bagi memastikan tidak berlaku ketirisan dan benar-benar memberi manfaat kepada golongan berkenaan.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Sha'ani Abdullah, berkata keutamaan pemberian subsidi memang perlu diberi kepada golongan berpendapatan rendah, tetapi sukar untuk menentukan pelaksana-naannya dilakukan tanpa disalahgunakan.

"Ketika ini subsidi air tidak dapat dikawal dan perlu dicari satu mekanisme untuk subsidi itu hanya diberi kepada golongan sasar yang memerlukan, manakala mereka yang berkemampuan perlu membayar sedikit caj bagi mendapatkan perkhidmatan lebih baik," katanya ketika dihubungi semalam.

Perdana Menteri dalam laporan akhbar semalam berkata, subsidi air harus disasar kepada mereka yang benar-benar layak dan bukan meliputi keseluruhan rakyat bagi memastikan bekalan berterusan untuk generasi akan datang.

Datuk Seri Najib Razak berkata, semua pihak perlu faham apabila bekalan terhad dan mahu perkhidmatan lebih baik, mereka terpaksa menanggung kosnya.

Justeru, Mohd Sha'ani berkata, FOMCA mencadangkan bantuan dan subsidi air kepada golongan memerlukan dilaksanakan secara lebih tersusun bagi memastikan ia diurus dengan baik dan menjamin bekalan air berterusan untuk masa depan, selain mampu mengelak pembaziran serta mendidik pengguna menggunakan air dengan lebih berhemah.

Sementara itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata air adalah keselamatan negara dan kegagalan mengurusnya akan membawa masalah jaminan air mentah dan jaminan bekalan.

Katanya, ketika ini tarif air yang dikenakan di negara ini masih rendah berbanding negara lain dan cadangan itu mampu menjimat dan mengelak pembaziran kerana setiap air yang dibazirkan perlu dibayar.

"Bagaimanapun, dalam hal ini penjelasan tarif yang ditetapkan perlu dihebahkan kepada pengguna supaya mereka tahu wang dibelanjakan. Perkara itu tidak perlu dilihat sebagai sensitif atau sesuatu yang boleh dipolitikkan kerana hakikatnya rakyat berhak mengetahui bagaimana tarif ditetapkan," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, AWER turut mencadangkan semua agensi Persekutuan berkaitan dengan air dapat digabungkan dalam Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di peringkat Kerajaan Pusat supaya dapat mengkoordinasi dengan lebih efektif bersama kerajaan negeri.

Hak Cipta Terpelihara 2010 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.